

Isi tempat kosong dengan pantun yang sesuai.

Usaha Menjaga Hutan

Buah rambutan dibilang-bilang,
Pisang toman dijual setandan;
Pencerobohan hutan perlu dihalang,
Jadikan hukuman satu teladan.

Dari Putatan ke Lahad Datu,
Buah kuini saya kirimkan;
Pantau hutan setiap waktu,
Teknologi terkini boleh digunakan.

Ramai peladang mencari rotan,
Di tepi titi di Rantau Abang;
Wujudkan ladang kayu hutan,
Untuk mengganti pokok ditebang.

Pergi menjala bersama abang,
Nampak ranjau di tepi muara;
Tanam semula pokok ditebang,
Bumi menghijau hutan terpelihara.

Kumpulan Suria

Ikan haruan di bawah perahu,
Di sungai Pendang di tepi jambatan;
Apakah tujuan tolong beritahu,
Diwujudkan ladang kayu hutan?

Kumpulan Samudera

Kumpulan Suria

Kumpulan Samudera

Pokok kuini rimbun daunnya,
Tempat abang menyirat tali;
Kami di sini sekadar bertanya,
Mengapakah ditebang ditanam kembali?

Kumpulan Suria

Batang rotan dibuat raga,
Diisi sarat buah rambutan;
Bagaimanakah hutan hendak dijaga,
Luasnya ibarat sebesar lautan?

Kumpulan Samudera

Kumpulan Suria

Kumpulan Samudera

Kuala Kedah tempatnya indah,
Ramainya pergi mencari lokan;
Tegur sudah nasihat pun sudah,
Apatah lagi boleh kita lakukan?

- Minta murid melafazkan pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

